

Kejohanan Skuasy Junior Terbuka Antarabangsa Kuala Lumpur Ke-10 REDtone menarik 660 peserta, terbesar di Asia sejak 2013

PUCHONG, 1 Disember 2016 - Kejohanan Skuasy Junior Terbuka Antarabangsa Kuala Lumpur Ke-10 2016 REDtone akan kembali beraksi bulan ini dengan satu lagi pencapaian yang amat membanggakan, dengan 660 penyertaan dari seluruh dunia yang memecah rekod.

Kejohanan ini akan diadakan di dua tempat berlainan - Gelanggang Skuasy Jalan Duta di Kuala Lumpur dan di Gelanggang Skuasy Kebangsaan di Bukit Jalil dari Dis 6-11.

Acara ini adalah amat dinanti-nantikan tahun demi tahun dengan China dan Myanmar turut menyertai kejohanan kali ini sebagai pasukan tambahan terkini.

Selain daripada hos Malaysia, lain-lain negara termasuk Singapura, Indonesia, Jepun, Pakistan, Sri Lanka, Australia, Colombia, Iran, Papua New Guinea dan New Zealand. Yang tidak mengambil bahagian adalah India, dimana telah menghantar satu kontinjen besar untuk Kejohanan Junior Asia di Bukit Jalil pada lewat September lepas.

Pemangku Presiden Persatuan Raket Skuasy Wilayah Persekutuan Steven Kwan berkata beliau amat berterima kasih kepada REDtone kerana sudi menjadi penaja untuk tahun yang kelima.

"Kejohanan ini telah menjadi acara terbesar di Asia sejak 2013 dan untuk tahun kedua berturut-turut, ia mempunyai lebih daripada 650 peserta, satu angka yang amat memberangsangkan sekali untuk sukan ini," ujar Steven, yang menambah bahawa kejohanan ini mungkin mencapai Status Platinum sekiranya diluluskan oleh Persekutuan Skuasy Asia pada tahun hadapan.

Sementara itu, CEO Kumpulan REDtone International Berhad, Lau Bik Soon berkata beliau amat berterima kasih kepada Persatuan Raket Skuasy Wilayah Persekutuan (SRAFT) kerana memberikan mereka peluang menjadi sebahagian daripada acara mengagumkan ini untuk lima tahun berturut.

"Kami benar-benar gembira menyaksikan pertumbuhan bukan sahaja dari segi saiz penyertaan tetapi juga dari aspek peningkatan kedudukan dan populariti dari seluruh pelusuk dunia. Ini adalah berita baik untuk sukan ini dan peminatnya. Kini, Kejohanan ini telah mencapai status cemerlang sebagai kejohanan terbesar di Asia, di mana bilangan penyerta telah melampaui aras 650 untuk tahun kedua berturut-turut, "tambah Bik Soon.

Pemain Junior pertama Malaysia Ng Eain Yow dari Kuala Lumpur menjadi terkenal dengan merangkul gelaran juara junior dunia di Poland pada bulan Ogos 2016 selain memenangi tiga gelaran kumpulan umur dalam Kejohanan Terbuka Junior British (BJO) pada masa lalu. Pada kali ini, pemain berusia 18 tahun ini tidak akan mengambil bahagian dalam kejohanan ini untuk menumpukan perhatian kepada BJO untuk merebut gelaran juara kali keempat berturut-turut.



REDtone International Berhad (596364-U)
Suites 22-30, 5th Floor, IOI Business Park, 47100 Puchong,
Selangor, Malaysia **t** +603-8073 2288 **f** +603-8073 2285
Customer Care Toll Free: 1800 87 7790
www.redtone.com

Dalam ketiadaan beliau, bintang wanita utama Andrea Lee akan menyahut cabaran Kuala Lumpur dalam pertemuan tahunan ini.

Andrea, 18, memenangi gelaran profesional pertama beliau di Kejohanan Piala Hong Kong 2016 selain muncul sebagai juara Junior Asia untuk tiga tahun berturut-turut.

Andrea akan terpaksa bertarung dengan rakan-rakan pasukan kebangsaan Zoe Foo, Teh Min Ern, Ooi Kah Yan dan Lai Wen Li dalam bahagian Wanita Bawah-19 Tahun.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Mahesh di 016-324 9214 atau emel kepada dmahesh_108@yahoo.com.